

111

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA**
KAWASAN : **TASEK GELUGOR**
TARIKH : **26 JULAI 2017**
NO. SOALAN : **47**

SOALAN

Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah proaktif Kementerian dalam menggalakkan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) melaksanakan sistem e-dagang sebagai usaha untuk meningkatkan inovasi dan mewujudkan ekosistem digital yang inovatif serta berdaya maju merentas sempadan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

MITI dengan kerjasama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan SME Corp. Malaysia telah merangka dan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti untuk mewujudkan ekosistem digital yang kondusif dan menggalakkan penyertaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan dalam sektor eDagang. Antara lain, program ini memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kapasiti PKS bagi menembusi pasaran eksport melalui usahasama dengan platform eDagang terkemuka antarabangsa seperti Alibaba, Facebook dan Google.

Sejak penubuhan Majlis e-Dagang Kebangsaan (NeCC) pada bulan Disember 2015, sebanyak 450 PKS telah mendapat manfaat melalui program eTRADE pada tahun 2016 berbanding 198 syarikat pada tahun 2015, iaitu peningkatan sebanyak 127%. NeCC dianggotai oleh 22 kementerian dan agensi yang terlibat secara langsung dalam agenda eDagang

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 26 Julai 2017, MITI akan melancarkan penubuhan Akademi eDagang yang merupakan usahasama antara SME Corp. dan MDEC. Ia merupakan satu pusat hentian setempat bagi PKS mendapatkan maklumat mengenai kaedah eDagang yang merangkumi modul latihan, pembayaran dalam talian dan logistik.

Selain itu, MITI bersama Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), Kementerian Kewangan (MOF), MDEC dan SME Corp. telah mengadakan sesi *pitching* pada 22 Jun 2017 bertujuan membantu syarikat-syarikat teknologi *start-up* dan *scale-up* tempatan yang berpotensi untuk mendapatkan dana daripada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)/Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) di Malaysia. Ini akan disusuli oleh dua sesi *pitching* pada bulan Julai dan Ogos 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan penyertaan syarikat tempatan, khususnya PKS dalam inisiatif e-dagang, satu Pelan Strategik Hala Tuju eDagang Kebangsaan telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 13 Oktober 2016. Di bawah Pelan ini, terdapat 6 teras utama yang telah dikenal pasti.

MITI melalui SME Corp. Malaysia telah diberi tanggungjawab bagi melaksanakan Teras yang pertama iaitu meningkatkan tahap penggunaan eDagang dalam perniagaan bagi PKS. Di bawah Teras ini terdapat 3 aktiviti utama iaitu:

- i. melaksanakan program pendedahan berkenaan kepentingan eDagang kepada PKS;
- ii. mengadakan program latihan kepada PKS berasaskan modul yang bersesuaian bagi penggunaan eDagang; dan
- iii. mengadakan satu portal maklumat bagi eDagang untuk PKS.

Tuan Yang di-Pertua,

SME Corp. Malaysia juga bekerjasama dengan MDEC, MATRADE dan MITI bagi menggalakkan penyertaan PKS dalam "Digital Free Trade Zone" (DFTZ) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 22 Mac 2017 yang lepas.

eDagang merupakan satu proses pembelian dan penjualan yang dibuat secara elektronik. Antara proses yang terlibat adalah pengiklanan, pesanan, penghantaran, pembayaran dan juga khidmat selepas jualan bagi perkhidmatan dan juga barangan.

Industri eDagang dijangka berkembang kepada RM114 bilion menjelang tahun 2020 atau 6.4 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding RM68 bilion atau 5.9 peratus KDNK pada tahun 2015.

Sekian, terima kasih.